

PENERBIT SETIAMAS
*No. 14, Jalan SS4/17,
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-7774678 Fax: 603-7762300*

AMARAN ATAS HAKCIPTA

Semua hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak Penerbit.

© Penerbit Setiamas
Pertama kali diterbitkan 1995

APB 73531.1

18 AUG 1995

**NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

*Dicetak di Malaysia oleh
Hin Press & Trading Sdn. Bhd., Selangor Darul Ehsan*

PRAKATA

Perpaduan kaum adalah perkara yang utama yang sedang diperjuangkan oleh para pemimpin kerana perpaduan negara sangat penting bagi negara Malaysia yang bermasyarakat majmuk. Perpaduan negara menjamin kestabilan politik dan ekonomi Malaysia.

Kekayaan negara tidak bermakna jika keadaan negara penuh dengan kacau-bilau akibat persengketaan kaum.

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap keadaan ini supaya dapat mengekalkan keadaan sekarang ini iaitu perpaduan yang erat oleh semua kaum. Setiap kaum hendaklah bekerjasama dalam mencapai usaha yang murni ini.


Buku-buku ini membincang beberapa aspek perpaduan yang boleh memberi fahaman dan dorongan kepada para pelajar di sekolah rendah dan sekolah menengah rendah.

Bersatu teguh, bercerai roboh.

Januari, 1995

Kuala Lumpur

Penulis





KEJAYAAN BERASASKAN PERPADUAN

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat sejak tahun 1957. Hingga sekarang, negara ini telah mencapai usia 37 tahun. Jika dibandingkan dengan umur orang, usia 37 tahun merupakan seorang dewasa yang matang. Begitu juga dengan negara kita.


Kejayaan demi kejayaan dicapai oleh negara setiap tahun sama ada dari segi sosial, politik dan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi yang memuaskan menyebabkan rakyat turut dapat menikmati limpahan ekonomi ini.

Wawasan 2020 adalah suatu matlamat murni untuk menjadi Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Jika dilihat pada masa kini adalah tidak mustahil kita mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020. Kejayaan Proton Saga iaitu kereta nasional yang pertama dan Perodua Kancil kereta nasional yang kedua menunjukkan keupayaan Malaysia dalam bidang industri pembuatan kereta.


Selain dari kejayaan dalam bidang pembuatan kereta, negara kita juga turut menjadi model sebagai sebuah negara yang aman dan tenteram walaupun didiami oleh pelbagai kaum.

Keamanan dan perpaduan kaum yang erat dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara. Ini kerana semua lapisan rakyat dari pelbagai peringkat dan tanpa mengira kaum berganding bahu dalam usaha untuk memajukan negara. Jika dilihat dalam sektor industri kepakaran asing telah dapat diserapkan ke dalam industri kita. Ini merupakan suatu kebanggaan kerana anak tempatan juga boleh diasuh dan berjaya menjadi seorang pakar dalam sektor industri.

Semua ini adalah usaha kerajaan dan sektor



Ke arah negara perindustrian



Kejayaan dalam perdagangan

swasta ke arah membangunkan negara menjadi negara maju menjelang 2020. Tambahan pula rakyat negara ini begitu teguh bersatu padu dalam menjalankan wawasan kerajaan ini. Kerjasama dan toleransi amat besar maknanya dalam sebuah negara yang berbilang kaum seperti negara kita. Jika dilihat negara lain, banyak di antaranya yang gagal menyekat pergaduhan sesama kaum. Negara yang kucar-kacir tidak menjanjikan kejayaan tetapi membawa kehancuran.

Selain itu, pertumbuhan ekonomi yang meningkat bukan sahaja untuk membangunkan negara malahan limpahannya turut dirasakan oleh rakyat.

Kejayaan Malaysia dalam pelbagai bidang sama ada ekonomi, sosial dan politik mencerminkan negara ini begitu giat membangun. Kejayaan ini bukannya dapat dicapai dalam sekelip mata tetapi berlaku secara perlahan-lahan. Sokongan daripada rakyat yang hidup harmoni antara kaum memberi dorongan kerajaan membangunkan negara dengan lebih berkesan.

Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan ekonomi negara adalah menggalakkan dengan kadar pertumbuhan 9% setahun. Ini merupakan angka yang sangat memuaskan bagi negara yang kecil seperti Malaysia.

Suatu masa dulu, ekonomi Malaysia berasaskan pertanian. Hasil pertanian yang utama ketika itu ialah getah, kelapa sawit dan koko. Memandangkan harga hasil pertanian kurang memuaskan kerajaan cuba pula membangunkan sektor perindustrian. Tapak-tapak perindustrian baru seperti Petaling Jaya, Shah Alam, Senawang, Bayan Lepas, Pasir Gudang dan sebagainya telah dapat mempelbagaikan ekonomi negara. Sehingga kini hasil-hasil perindustrian memberikan sumber pendapatan utama kepada rakyat dan negara.

Pertumbuhan industri dan pembukaan kilang-kilang baru turut memberi peluang pekerjaan kepada rakyat. Ramai belia dari luar bandar mulai membanjiri kawasan-kawasan perindustrian ini bagi mencari pekerjaan. Petempatan dan bandar-bandar baru



Pembangunan untuk semua rakyat



Pada masa lampau ekonomi Malaysia berasaskan pertanian

tumbuh sejajar dengan perkembangan ekonomi negara.

Perlu juga diketahui bahawa kerajaan melalui agensi-agensinya telah berjaya merancang dan membentuk suatu dasar bagi kesejahteraan negara. Antaranya Rancangan Lima Tahun Negara dan Wawasan 2020.

Kepesatan perkembangan ekonomi juga turut merangkumi pembinaan lebuh raya baru di Pantai Barat, Semenanjung Malaysia iaitu Rangkaian Lebuhraya Utara-Selatan bermula dari Bukit Kayu Hitam di Kedah hingga ke Johor Bahru di Johor. Ini memudahkan perpindahan dan perkembangan ekonomi yang sama rata antara negeri-negeri.


Perjalanan darat yang licin dan cepat, mempercepatkan penghantaran atau penerimaan barang-barang. Jika kita hendak ke Johor Bahru dari Kuala Lumpur, kita hanya mengambil masa selama tiga jam sahaja berbanding enam jam sebelum adanya lebuhraya. Ini suatu kemudahan yang dapat membantu pertumbuhan ekonomi dengan lebih cepat lagi.

Kemakmuran, kestabilan ekonomi dan kemudahan infrastruktur serta insentif kerajaan telah dapat menarik ramai pelabur asing untuk melabur di negara ini. Walaupun rakyat Malaysia berbilang kaum tetapi perpaduan yang ditunjukkan dapat memikat seta menarik pelabur asing untuk menanam modal di negara kita. Keyakinan mereka ini lahir daripada sikap masyarakat kita yang bersatu-padu dan bersatu hati dalam memajukan negara. Ini kejayaan kepada Malaysia.

Di samping itu, industri berat telah mulai bertapak di negara kita. Antaranya syarikat-syarikat PERWAJA STEEL, PROTON dan PERODUA. Kemunculan syarikat-syarikat ini menggambarkan bahawa Malaysia juga mampu bersaing dengan negara asing dalam industri berat.

Kemajuan negara dapat dilihat melalui kesungguhan rakyat untuk membantu perkembangan ekonomi. Suatu masa dulu rakyat dipisahkan melalui kaum tetapi kini rakyat disatukan sama ada melalui perayaan, pendidikan, bahasa dan sebagainya.

Melihatkan perkembangan yang sihat ini telah





Pengagihan rezeki yang adil

mendorong ke arah mewujudkan budaya kebangsaan. Ini bermakna semua rakyat Malaysia mengamalkan suatu budaya yang sama, walaupun ada sesetengah pihak yang tidak yakin dengan perancangan ini. Jika semua kaum bersatu-padu tidak mustahil budaya akan menjadi kenyataan.

Selain itu, kerajaan turut menekankan kesamarataan hak ekonomi antara kaum. Ketidakseimbangan ekonomi antara kaum adalah salah satu punca tercetusnya peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Menyedari hakikat ini kerajaan telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan membantu kaum Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak membangunkan ekonomi mereka.


Kaum lain tidak boleh memandang DEB sebagai menyebelahi kaum Melayu. Mereka perlu faham bahawa kaum Bumiputera adalah jauh ketinggalan dalam pelbagai bidang segi berbanding dengan kaum lain. Setakat ini maklum balas daripada kaum lain adalah baik. Mereka bukan sahaja memahami malahan turut membantu kerajaan membangunkan kaum Bumiputera ini.

Kini, boleh dikatakan kaum Bumiputera juga boleh bersaing dengan kaum lain. Kesamarataan ekonomi menjamin perpaduan antara kaum di negara ini. Ini disebabkan sesuatu kaum tidak akan merasa iri hati kerana mereka juga mempunyai peluang yang sama untuk merebut kekayaan negara. Ini merupakan kejayaan kerajaan yang paling besar.

Sistem Pendidikan

Dasar kerajaan melalui pendidikan telah dapat membantu ke arah perpaduan antara kaum. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dapat menyatukan kaum-kaum di negara ini. Misalnya seorang India berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan rakan-rakan dari kaum lain. Begitu juga dengan kaum lain berkomunikasi dengan kaum yang lain.

Sekolah-sekolah bantuan kerajaan mengutamakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Ini kerana kebanyakan ibu bapa akan menghantar anak-anak ke sekolah-sekolah bantuan kerajaan. Kemudahan pembelajaran dengan sistem kurikulum yang berkesan dapat melahirkan generasi yang cergas dan pintar.





Dasar Pendidikan Kebangsaan menyatupadukan rakyat

Generasi seperti ini yang diharapkan dapat memantapkan ekonomi dan kemajuan negara.

Pembinaan sekolah-sekolah teknik dan vokasional juga dapat melahirkan generasi yang berkemahiran dalam bidang teknikal. Kemahiran dalam bidang teknikal adalah penting kerana negara kita kini sedang menuju ke arah negara perindustrian. Pengetahuan amat berguna untuk pekerjaan di bidang perindustrian. Oleh itu kita tidak perlu lagi bergantung kepada kepakaran asing untuk memajukan sektor perindustrian kita.


Selain itu, penubuhan pusat-pusat latihan belia seperti Pusat Latihan Belia Dusun Tua dan PERTAK telah dapat membantu belia-belia yang menganggur mendapatkan kemahiran. Tempoh latihan juga pendek. Ini dapat menarik belia-belia untuk mengikuti latihan ini. Persediaan kerajaan untuk mencapai taraf negara maju menjelang 2020 adalah jelas. Kita sebagai rakyat perlu berani menyahut cabaran dan memenuhi impian wawasan ini.

Selain itu, kerajaan turut menyediakan pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini. Sehingga kini terdapat

lapan buah universiti iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Teknologi Malaysia dan yang terbaru ialah Universiti Sabah. Ini menunjukkan kerajaan begitu serius dalam memberi pendidikan kepada rakyatnya sehingga peringkat yang tertinggi. Di samping itu, kerajaan turut menghantar pelajar ke universiti ke luar negara bagi menuntut ilmu.

Sistem pendidikan yang dirancang dengan rapi oleh Kementerian Pendidikan begitu jelas matlamatnya. Dalam mencapai taraf negara maju, sistem pendidikan turut digubal selaras dengan matlamat negara. Untuk menjadi negara maju bidang kemahiran amat penting selain kelayakan ekonomi. Penubuhan sekolah-sekolah Vakasional, teknik dan institusi kemahiran yang lain tepat pada masanya. Tujuannya untuk melatih pelajar menguasai sesuatu bidang kemahiran dengan lebih berkesan.

Kemahiran ini dapat membantu belia dan pelajar menceburi bidang pekerjaan kelak. Sekiranya mahu membuka perniagaan sendiri amat digalakkan. Industri kecil dan ringan boleh diceburi oleh belia yang



Sekolah Teknik dan Vokasional melahirkan generasi berkemahiran



Belia-belia boleh menceburi bidang industri kecil

mempunyai kemahiran ini. Kerajaan turut membantu dari segi memberi pinjaman kewangan dan nasihat. Peluang ini jika dimanfaatkan dapat membantu taraf ekonomi dan seterusnya menyumbang ke arah kemajuan negara.

Kejayaan yang dimiliki oleh negara kini bukan berlaku secara drastik tetapi beransur-ansur. Dalam mencapai kejayaan dalam bidang pendidikan, banyak wang telah dibelanjakan semata-mata untuk memberi faedah kepada rakyat dan negara.

Bidang Sukan

Walaupun negara kita kecil tetapi sesetengah permainan sukan dimiliki oleh negara ini, antaranya badminton. Malaysia merupakan negara unggul yang berjaya menguasai permainan ini selain dari Indonesia dan China. Ini membuktikan dalam bidang sukan, kita turut mampu bersaing dan menjuarainya.

Keyakinan kita untuk menguasai bidang sukan perlu ada dalam setiap jiwa rakyat. Ini kerana dengan adanya sikap ini akan memberi kelebihan untuk

menjuarai sesuatu pertandingan. Rasa tidak yakin perlu dikikis kerana ini tidak membantu dan menyumbang ke arah apa-apa sahaja bidang yang ingin kita ceburi.

Walaupun kejayaan dalam bidang sukan tertumpu kepada badminton sahaja bukan bermakna permainan lain kita tidak kuasai. Dalam mencapai taraf sukan setanding dengan negara lain, latihan yang gigih dan berterusan perlu dimulakan sebelum menjelangnya sesuatu pertandingan. Masa latihan yang cukup dapat membantu menaikkan nama negara dalam bidang sukan.

Kebanyakan bidang sukan yang diceburi oleh rakyat ini bersifat perkauman seperti bola keranjang untuk orang Cina, sepak takraw untuk orang Melayu dan sebagainya. Ini perlu diubah kerana setiap kaum berhak dalam setiap permainan. Mungkin disebabkan kurangnya minat terhadap sesuatu jenis permainan itu penyertaan kaum lain turut menjejaskannya.

Bidang sukan juga dapat dilihat sebagai unsur yang berkesan untuk menyatukan kaum di negara ini. Sebagai contoh dalam kejohanan Piala Thomas (badminton) yang berlangsung di Kuala Lumpur. Rakyat daripada pelbagai



Sukan melahirkan generasi yang sihat



Maju Sukan untuk Negara

apisan masyarakat dan kaum bersatu menyokong pasukan negara walaupun pemainnya dari kaum yang lain. Ini contoh terbaik yang dapat dilihat semasa kejohanan tersebut.

Selain dari itu, bidang sukan turut menaikkan nama negara. Malaysia dikenali kerana terkenal dalam sukan badminton dan hoki. Pemilihan negara sebagai tuan rumah Sukan Komanwel 1998 menaikkan nama negara di mata dunia.

Pada masa dulu, Malaysia kurang dikenali tetapi dengan menjadi tuan rumah Sukan Komanwel kelak dapat membuka mata masyarakat dunia bahawa negara yang kecil seperti Malaysia turut mampu menganjurkan kejohanan yang bertaraf antarabangsa.

Di samping itu juga pada tahun 1998 upacara kebudayaan pelbagai kaum akan dipersembahkan untuk memperlihatkan ciri-ciri rakyat Malaysia.

Bidang Politik

Dalam bidang politik pula, pemimpin-pemimpin negara seperti YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad begitu

terkenal di kalangan negara-negara di dunia. Ini kerana kelantangan dan keberanian beliau mengkritik dasar-dasar yang tidak adil dan menindas hak asasi manusia seperti Dasar Apartheid di Afrika Selatan dan perang saudara di Bosnia Herzegovina. Kewibawaan beliau menyebabkan pemimpin-pemimpin lain di dunia membuka mata bahawa walaupun negara Malaysia kecil tetapi hak mereka tetap sama di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Jika ditinjau dalam misi keamanan juga, Malaysia turut menempatkan askar-askarnya ke beberapa negara dunia yang bergolak seperti Bosnia-Herzegovina, Somalia, Kemboja, Namibia dan beberapa negara lain. Pengorbanan Malaysia dalam menjaga keamanan dunia tidak boleh diperkecil-kecilkan.

Di Malaysia pula, kestabilan politik yang berteraskan cantuman parti pelbagai kaum iaitu Barisan Nasional membantu meningkatkan keamanan dan kemajuan negara. Konsep parti pelbagai kaum yang diamalkan di sini dapat menarik ramai pelabur asing untuk melabur di negara kita. Ramai pelabur beranggapan bahawa kestabilan politik merupakan



Dr. Mahathir pemimpin bersuara lantang

daya penarik kepada mereka untuk melabur. Kestabilan menjamin keselamatan kepada pelaburan mereka.

Di samping itu, rakyat yang mempunyai kemahiran dapat membantu industri mereka. Ini kerana ramai di kalangan belia kita telah mengikuti latihan-latihan kemahiran sama ada di sekolah-sekolah vokasional, teknik atau di institusi kemahiran yang lain. Dengan ini memudahkan kerja-kerja mereka kerana tidak perlu melatih mereka. Kelebihan tersebut menyebabkan mereka memilih negara kita sebagai tempat untuk menanam modal.

Di samping itu, kemudahan infrastruktur yang baik dan galakan kerajaan turut membantu menarik lebih ramai pelabur asing melabur. Dengan itu, secara langsung mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang banyak. Justeru itu dapat menurunkan kadar pengangguran di negara ini.

Galakan kerajaan seperti taraf perintis dan pengecualian cukai adalah langkah terbaik kerajaan bagi memastikan pelabur terus menanam modal di negara ini. Ketika mereka ini datang dan mengambil rakyat tempatan untuk bekerja di kilang sudah pastinya

berlaku pemindahan teknologi. Rakyat tempatan yang mendapat manfaat daripada pemindahan teknologi ini dapat pula mengajar rakan-rakan mengenai perkara berkenaan.

Salah satu yang terpenting dalam perindustrian adalah teknologi. Jika dibandingkan teknologi Jepun dan negara ini sejak kebelakangan ini hampir sama. Ini kerana syarikat-syarikat Jepun telah mula memindahkan teknologi kepada negara ini. Contohnya, kereta Proton Saga, merupakan hasil usaha kerajaan Malaysia dengan kerajaan Jepun. Begitu juga dengan PERODUA Kancil. Tidak mustahil jika lama-kelamaan negara ini mampu berdikari dalam pembuatan kereta. Walaupun ini memakan proses lama tetapi tidak mustahil cita-cita ini akan menjadi kenyataan.

Kestabilan politik juga dapat membantu kerajaan membina kemudahan infrastruktur kepada rakyat. Contohnya Lebuhraya Utara-Selatan telah dapat menghubungkan Bukit Kayu Hitam di Kedah hingga ke Johor Bahru. Dengan adanya Lebuhraya Utara-Selatan, masa perjalanan dapat dipendekkan. Kemudahan ini dapat membantu memajukan ekonomi negara dan kemudahan kepada rakyat.

Kemudahan pelabuhan turut disediakan dalam urusan import dan eksport hasil-hasil negara. Kini terdapat beberapa pelabuhan seperti Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Pasir Gudang, Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Kemaman. Kemudahan pelabuhan ini memudahkan pelabur-pelabur asing untuk mengeksport hasil-hasil keluaran ke destinasi yang mereka inginkan. Tambahan pula kemudahan pengangkutan jalan darat yang boleh membawa hasil-hasil keluaran lebih cepat ke pelabuhan.

Lapangan Terbang Antarabangsa juga dapat memberi persekitaran pelaburan yang menarik. Kini terdapat Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang yang masih dalam pembinaan.

Kemudahan-kemudahan infrastruktur yang disediakan bukan sahaja tertumpu bagi tujuan menarik pelaburan malahan juga untuk rakyat. Kemudahan bekalan elektrik, bekalan air dan jalan raya telah meliputi hampir keseluruhan kawasan di negara ini. Rakyat di desa turut merasai kemudahan sebagaimana yang dinikmati oleh rakyat di bandar.

Kesimpulan

Segala kemudahan ini lahir hasil daripada kestabilan politik kaum yang diamalkan oleh rakyat di negara ini. Barisan Nasional yang merupakan parti pelbagai kaum telah dapat membantu menjaga keharmonian dan kesejahteraan penduduk daripada semua kaum.

Toleransi antara kaum jelas membawa keamanan dan kemajuan kepada rakyat dan seterusnya negara. Kemajuan tidak akan tercipta tanpa perpaduan pelbagai kaum di negara ini.

